

## NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

### ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

### JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# PERMOHONAN PENGAMBILAN ANAK ANGKAT





### Pengertian

Suatu permohonan untuk mengambil seorang kanak-kanak sebagai anak angkat. Permohonan ini boleh dibuat pemohon ke atas kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun.

### Seksyen

Seksyen 11(3)(b)(xi), Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah No. 6 Tahun 2004 memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah berbidangkuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding berhubung dengan pendaftaran dan pengambilan anak angkat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

### Prosedur Pendaftaran

(i) Permohonan awal dimulakan dengan Pemohon menyampaikan notis niatnya untuk mengangkat kanak-kanak kepada Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum permohonan difailkan di Mahkamah.

(ii) Permohonan pendaftaran kes boleh difailkan secara perseorangan ataupun secara bersama selepas mendapat maklumbalas daripada Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah.

(iii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:

(a) Surat iringan

(b) Notis permohonan

(c) Afidavit sokongan

(d) Salinan kad pengenalan pemohon / pemohon-pemohon

(e) Salinan kad pengenalan ibubapa kandung anak yang diangkat atau salah satu daripadanya

(f) Salinan dokumen perkahwinan pemohon

(g) Salinan sijil kelahiran anak yang diangkat oleh pegawai jabatan

pendaftaran negara

(h) Salinan slip gaji atau bukti pendapatan b u l a n a n pemohon/pemohon-pemohon

(i) P e r s e t u j u a n pemohon/pemohon-pemohon untuk mewasiatkan harta mereka kepada anak yang diangkat

(j) Persetujuan bertulis ibubapa kandung anak yang diangkat atau salah satu daripada mereka

(k) Salinan dokumen pengislaman anak yang diangkat (jika berkenaan)

(l) Maklumbalas daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah terhadap Notis Niat pemohon untuk mengangkat anak